



**UNTUK SIARAN
SEGERA**

SIARAN AKHBAR

GLOMAC LAPORKAN PRESTASI STABIL BAGI 1H TK2026

Kecekapan operasi menyokong peningkatan margin kepada 31.7%

Kuala Lumpur, 27 November 2025 – Glomac Berhad (“Glomac” atau “Syarikat”), mencatatkan prestasi kukuh bagi suku kedua berakhir 31 Oktober 2025 (“2Q TK2026”), didorong oleh operasi stabil dan pelaksanaan projek yang teratur merentasi portfolionya.

Bagi suku berkenaan, Syarikat merekodkan pendapatan sebanyak RM55.8 juta dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM6.1 juta, sejajar dengan pendapatan RM56.4 juta dan PBT RM6.2 juta yang dicatatkan pada 2Q TK2025. Prestasi ini disokong oleh kemajuan pembinaan yang konsisten merentasi projek aktif serta fokus berterusan terhadap kecekapan operasi.

Bagi separuh pertama tahun kewangan (“1H TK2026”), Syarikat mencatatkan pendapatan **RM81.8 juta**, dengan penyederhanaan tahun ke tahun (“YoY”) disebabkan peringkat awal fasa awal pembinaan yang dirancang pada suku pertama untuk beberapa projek. PBT bagi tempoh tersebut berjumlah RM4.9 juta.

Profil keuntungan Syarikat terus mengukuh dengan margin keuntungan kasar meningkat kepada **31.7%** berbanding **30.3%** tahun sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh campuran jualan yang menggalakkan serta sumbangan margin lebih tinggi daripada penawaran komersial khususnya rumah kedai di Saujana Perdana dan Lakeside Boulevard II.

Pelancaran Baharu

Glomac memasuki separuh kedua TK2026 dengan momentum projek yang kukuh. Daripada jumlah pelancaran bernilai **RM324 juta** yang dirancang bagi tahun ini, sekitar **RM74 juta** telah dilaksanakan, manakala baki **RM250 juta** akan dijadualkan dalam dua suku akan datang melalui inisiatif pemasaran dan jualan yang strategik.

Siri **Serai@SBCR** dengan jumlah Nilai Pembangunan Kasar (“GDV”) sebanyak **RM220 juta** di Sungai Buloh Country Resort terus menjadi pemacu utama bagi segmen kediaman bertanah Syarikat. **Serai1@SBCR** mencapai jualan penuh sejurus selepas pelancaran, manakala **Serai2@SBCR** menunjukkan momentum jualan yang memberangsangkan. **Serai3@SBCR** pula dijadualkan untuk pelancaran dalam masa terdekat. Permintaan bagi keseluruhan siri ini kekal stabil berikutan daya tarikan lokasinya, kemudahan sedia ada dan akses mudah ke Bandar Saujana Utama.

Selain SBCR, Glomac juga akan memperkenalkan rumah teres di Saujana Jaya, Kulai, serta rumah berkembar di Lakeside Residences dan Saujana Rawang, menegaskan komitmen Syarikat terhadap segmen kediaman bertanah mampu milik dan pertengahan.

Kedudukan Kewangan

Syarikat berada pada landasan kewangan yang sihat, menamatkan suku berkenaan dengan baki tunai dan setara tunai berjumlah **RM228.7 juta**. Kedudukan ini turut disokong oleh **Program Sukuk Wakalah RM3.0 bilion** Glomac, yang menyediakan menyediakan kapasiti kewangan yang kukuh bagi menampung pembangunan, keperluan modal kerja dan meneroka peluang bank tanah serta pelaburan strategik.

Prospek

Inisiatif di bawah Belanjawan 2026, termasuk lanjutan pengecualian duti setem bagi pembeli rumah pertama untuk hartanah bernilai sehingga RM500,000, dijangka memberi rangsangan kepada sentimen pasaran, dan Glomac mengekalkan pandangan yang konstruktif dan berdisiplin. Keutamaan Syarikat kekal pada pelancaran yang responsif terhadap pasaran, mengekalkan momentum jualan dan mengurus kos dengan berhemah supaya aktiviti pembangunan kekal selaras dengan perubahan permintaan.

Prestasi 2Q mencerminkan kekukuhan pelaksanaan berdisiplin dan permintaan yang konsisten terhadap produk kami. Menjelang separuh kedua tahun ini, kami terus komited untuk menyediakan pembangunan berkualiti yang memenuhi keperluan pembeli dan memberikan nilai jangka panjang kepada pemegang kepentingan.

- Tamat Siaran Akhbar -

Kontak Media:

Group Corporate Communications
gccm@glomac.com.my

Mengenai Glomac Berhad

Glomac Berhad ialah pemaju hartanah Malaysia dengan pengalaman lebih tiga dekad dalam membangunkan projek kediaman, komersial dan bercampur guna yang berkualiti di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak tahun 2000, Syarikat diiktiraf atas pelaksanaan yang berdisiplin, kekuatan kewangan dan komitmen terhadap pembinaan komuniti yang mampan serta terancang. Portfolionya merangkumi pembangunan perbandaran, kediaman bertanah, kediaman bertingkat tinggi dan hartanah komersial, disokong oleh operasi yang meliputi keseluruhan rantai nilai hartanah. Sehingga kini, Glomac telah menjana hampir RM10 bilion nilai pembangunan dan terus memacu pertumbuhan berhemah, produk berasaskan permintaan pasaran dan nilai jangka panjang untuk pelanggan, rakan kongsi dan para pemegang saham.